

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	LYNAS nafi tiga kematian ketika operasi	Berita Harian
2.	Lynas to take stern action against rumour-mongers	New Sunday Times
3.	Tiga kematian tiada kaitan Lynas	Mingguan Malaysia
4.	Ribut petir dijangka berterusan	Berita Harian
5.	Semakin melampau!	Harian Metro
6.	Hujan lebat peringkat kuning di beberapa daerah di Sarawak	Bernama.com
7.	Amaran ribut petir di beberapa perairan negara sehingga subuh Isnin	Bernama.com

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 16  
TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)

# LYNAS nafi tiga kematian ketika operasi

» Tindakan tegas diambil terhadap pihak tabur fitnah

Oleh Nik Sukry Ramli  
niksukry@bh.com.my

► Kuantan

**L**ynas Malaysia Sdn Bhd (LYNAS) menafikan insiden tiga kematian di kilang berkenaan dalam tempoh enam bulan lalu ada kaitan

dengan operasi yang dijalankan.

Sehubungan itu, syarikat berkenaan akan mengambil tindakan tegas, termasuk tindakan undang-undang terhadap pihak yang terus menabur fitnah mengenai operasi kilang memproses nadir bumi itu.

Pengarah Urusannya, Da-

tuk Mashal Ahmad, berkata tiga kematian yang dilaporkan berlaku sebaliknya berpunca daripada faktor kesihatan kakitangan berkenaan.

Katanya, dalam kejadian November lalu, seorang kakitangan LYNAS maut selepas terbabit kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan ke tempat kerja manakala tahun lalu, seorang lelaki meninggal dunia di kilang ini, ketika mengisi borang memohon pekerjaan akibat serangan jantung.

"Seorang jurutera kita yang meninggal dunia awal bulan ini pula disahkan mengalami serangan jantung secara tiba-tiba sebelum terjatuh ke dalam kolam takungan. Ketika kejadian, mangsa melakukan rutin harian mengambil sampel air untuk ujian sebelum tidak sedarkan diri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Majlis Penyampaian Pakaian Seragam Sekolah di pekarangan kilang LYNAS, di sini, semalam.

Mashal berkata, perbuatan pihak terbabit semakin melampau hingga sanggup merusak pembohongan, walaupun LYNAS sudah tampil dengan kenyataan pakar dalam bidang berkaitan.

"Sikap mereka menyukarkan kami dan tindakan kumpulan ini menyebarkan pelbagai fitnah secara berterusan jelas membuktikan mereka berniat jahat. Berilah peluang kepada LYNAS menumpukan perhatian kepada operasi daripada melayan tohahan ini.

#### Dakwaan tidak benar

"Apa yang menjadi persoalan sekarang, apabila kita jemput mereka datang dan melihat sendiri operasi dilakukan di kilang kami, pelbagai syarat mereka tetapkan. Kalau macam ini caranya, sampai bila pun mereka tidak akan dapat gambaran sebenar," katanya.

Mashal berkata, dakwaan pihak tertentu mengenai kejadian banjir di loji kilang berkenaan awal bulan lalu juga tidak benar dan tidak masuk akal kerana tapak kilang berkenaan dibina selepas mengambil kira pelbagai faktor, termasuk ancaman banjir dan bencana alam lain.

"Kilang ini dibina selepas kita melakukan kajian berdasarkan paras air (banjir) paling buruk sejak 100 tahun lalu. Selepas itu, barulah kita bina tapak kilang dan loji memproses nadir bumi. Ia juga terletak kira-kira sembilan meter dari punca mata air," katanya sambil memberi jaminan bahawa ancaman banjir tidak akan memberi kesan kepada operasi kilang.

Pada majlis itu, seramai 200 murid sekitar kawasan Balok menerima pakaian seragam, beg dan peralatan sekolah sumbangan LYNAS menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan.



Mashal (dua dari kanan) bersama isteri Datin Siti Mariam Ramli (kanan) ketika Majlis Penyampaian Pakaian Seragam Sekolah Rendah kepada pelajar Tabika KEMAS yang akan menduduki Darjah 1 pada sesi persekolahan 2014.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW SUNDAY TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)**

# Lynas to take stern action against rumour-mongers

**KUANTAN:** Tired of being attacked by slanderous remarks, Lynas Advanced Materials Plant (Lamp) is contemplating taking legal action against irresponsible groups that continue to spread false information on the rare earth plant in Gebeng here.

Lynas Malaysia managing director Datuk Marshal Ahmad said the groups that had been spreading lies about Lamp operations had gone beyond tolerable limits.

This, he said, despite Lynas Malaysia providing explanations to clear the air, including statements from experts.

"We have identified the culprits. It is the same group that had been protesting against the processing plant.

"Their continuing to spread false information about the plant shows that they have bad intentions," he said after distributing uniforms to schoolchildren at the plant here yesterday.

"Surprisingly, when we invite these individuals to come and see for themselves how the plant operates, they impose conditions.

"The time has come for us to take stern action against them.

"We will keep our options open and decide on our next step soon."

Marshal said since the groups had failed to turn up for tours of the plant, it would be impossible for them to have an accurate picture of the processes carried out by Lamp.

Marshal also brushed aside claims that the processing plant had been inundated by the recent floods, saying the picture that was

spread on social media was fake.

"Construction work here only began after taking into account various factors, including floods and other natural disasters.

"Lamp is built on high ground and the massive floods earlier this month did not affect the plant."

During the floods, a photograph emerged on Facebook allegedly showing a Lamp employee rowing a blue fibre-glass boat in floodwaters inside the plant.

On a separate matter, Marshal said the three deaths, two involving Lamp staff, were not caused by the plant's rare earth operations or insufficient safety standards, as claimed in electronic media.

He said they were caused by unrelated factors.

"Last year, a person developed heart problems and died during an interview at the plant.

"A Lamp labourer was killed in a road accident in Seberang Balok last month.

"On Dec 13, an engineer taking water samples for testing slipped and fell into a pond in the plant after suffering a heart attack.

"A post-mortem showed the cause of death as acute heart attack and drowning."

In the fatal accident, Lynas engineer Mohamad Fadzli Mohamad Rafdzi, 33, collapsed and fell into a pond.

Yesterday, around 200 pupils from several settlements in Balok here received uniforms, bags and stationery as part of Lynas' corporate social responsibility programme.

**KERATAN AKHBAR  
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)**

Dua berpunca faktor kesihatan, satu terlibat kemalangan

## Tiga kematian tiada kaitan Lynas



MASHAL Ahmad (kanan) dan isteri, Datin Siti Mariam Ramli beramah mesra dengan murid yang bakal menduduki tahun satu dalam majlis penyampaian pakaian seragam sekolah di Kuantan, Pahang, semalam. - BERNAMA

**KUANTAN** 28 Dis. - Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) menafikkan tiga kematian yang berlaku di kilang berkenaan dalam tempoh enam bulan lepas mempunyai kaitan dengan operasi yang dijalankan oleh kilang nadir bumi itu.

Pengarah Urusannya, Datuk Mashal Ahmad berkata, sebaliknya dua daripada insiden kematian itu berpunca faktor kesihatan manakala satu lagi akibat kemalangan jalan raya.

Katanya, insiden pertama pada Julai lepas melibatkan seorang kakak pekerja yang meninggal dunia akibat serangan jantung ketika proses temu duga.

Pada November lalu, katanya, seorang kakitangan kilang itu matul selepas terabit dalam kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan ke tempat kerja.

"Seorang jurutera kita yang meninggal dunia awal bulan ini pula disahkan mengalami serangan jantung secara tiba-tiba sebelum terjatuh ke dalam kolam takungan. Ketika kejadian, mangsa sedang melakukan rutin harian mengambil sampel air untuk ujian sebelum tidak sedarkan diri akibat serangan jantung," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian pakaian seragam sekolah di pekarangan kilang Lynas, di sini hari ini.

Pada majlis itu, 200 pelajar sekitar kawasan Balok menerima pa-

kaian seragam, beg dan peralatan sekolah sumbangan Lynas di bawah program tanggungjawab sosial korporat syarikat berkenaan.

Mashal dalam pada itu berkata, Lynas tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas, termasuk tindakan mahkamah terhadap mana-mana pihak yang terus menabur fitnah ke atas kilang berkenaan.

"Sikap mereka ini menyukarkan kami dan tindakan kumpulan ini menyebarkan pelbagai fitnah secara berterusan jelas membuktikan mereka bermiat jahat."

"Berilah peluang kepada Lynas memupunkan perhatian kepada operasi daripada melayan tohmannan tidak berasas ini," katanya.

Mashal berkata, dakwaan pihak tertentu berhubung kejadian banjir di loji kilang berkenaan awal bulan lalu tidak benar dan tidak masuk akal.

Katanya, tapak kilang itu dibina selepas mengambil kira pelbagai faktor termasuk ancaman banjir dan bencana alam lain.

"Kilang ini dibina selepas kita melakukan kajian berdasarkan paras air (banjir) paling buruk sejak 100 tahun lalu. Selepas mendapat data itu, barulah kita bina tapak kilang dan loji memproses nadir bumi."

"Selain itu, kilang ini juga terletak kira-kira sembilan meter dari punca mata air, sekali gus kami boleh memberi jaminan bahawa ancaman banjir tidak akan memberi kesan kepada operasi kilang ini," katanya. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 16  
TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)

## Ribut petir dijangka berterusan

**Kuala Lumpur:** Ribut petir di perairan Labuan, Sabah, Sarawak, pantai timur Semenanjung, Johor timur, Perak dan Selangor dijangka berterusan sehingga awal malam ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, ribut petir itu boleh menyebabkan angin kencang berkelajuan antara 50 hingga 60 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Keadaan ini juga boleh berlaku di kawasan perairan Samui, Bunguran, Condore, Palawan, Reef North dan Layang-Layang.

Menurut kenyataan jabatan itu, angin kencang yang menyebabkan kenaikan paras air laut serta laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian melebihi 5.5 meter dijangka berterusan sehingga Selasa depan.

BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16  
TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)**



# Semakin melampau!

## Berhenti tabur fitnah atau berdepan tindakan tegas

Oleh RAJA NORAIN HIDAYAH  
RAJA ABDUL AZIZ

rnorain@mediaprima.com.my

Kuantan

**B**erhenti menabur fitnah atau berdepan tindakan tegas. Itu amaran keras dikeluarkan LYNAS Malaysia Sdn Bhd (LYNAS) terhadap segelintir pihak yang terus menabur fitnah mengenai operasi kilang memproses nadir bumi itu.

Pengarah Urusannya Datuk Mashal Ahmad berkata, tindakan tegas termasuk mahkamah mungkin akan diambil bagi 'menutup' mulut mereka yang berterusan menyebarkan berita tidak benar mengenai kilang itu.

Katanya, perbuatan pihak terbabit semakin melampau hingga sanggup meneruskan pembohongan mereka walaupun LYNAS sudah tampil dengan kenyataan pakar dalam bidang berkaitan.

"Sikap mereka ini menyurarkan kami dan tindakan kumpulan ini menyebarkan pelbagai fitnah secara berterusan jelas membuktikan mereka berniat jahat. Beri-

lah peluang kepada LYNAS menumpukan perhatian kepada operasi daripada melayan tohmahan tidak berdasas ini.

"Sudah sampai masanya tindakan tegas diambil terhadap kumpulan ini kerana semakin lama, mereka nampaknya semakin melampau. Kita akan pertimbangkan semua pilihan yang ada untuk diambil terhadap mereka," katanya kepada media selepas menghadiri Majlis Penyampaian Pakaian Seragam Sekolah di pekarangan kilang LYNAS, di sini, semalam.

Pada majlis itu, 200 murid sekitar kawasan Balok menerima pakaian seragam, beg dan peralatan sekolah sumbang LYNAS di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan.

Mashal berkata, apa yang menjadi persoalannya sekarang apabila LYNAS menjemput pihak yang menabur fitnah datang dan melihat

sendiri operasi dilakukan di kilangnya, mereka meletakkan pelbagai syarat dan jika begini caranya sampai bila pun mereka tidak dapat gambaran sebenar.

Sementara itu, beliau berkata; dakwaan pihak tertentu mengenai kejadian banjir di loji kilang berkenaan awal bulan lalu tidak benar dan tidak masuk akal.

Katanya, tapak kilang berkenaan dibina selepas mengambil kira pelbagai faktor termasuk ancaman banjir dan bencana alam lain.

"Kilang ini dibina selepas kami melakukan kajian berdasarkan paras air (banjir) paling buruk sejak 100 tahun lalu. Selepas mendapat data itu, baru dibina tapak kilang dan loji memproses nadir bumi.

"Selain itu, kilang ini juga terletak sembilan meter daripada punca mata air sekali gus kami boleh memberi ja-

minan ancaman banjir tidak akan memberi kesan kepada operasi kilang ini," katanya.

Beliau turut memaklumkan insiden kematian dilaporkan di kilang berkenaan juga tidak mempunyai kaitan operasi dijalankan sebaliknya akibat faktor kesihatan kakitangan berkenaan.

"Dalam insiden November lalu, seorang kakitangan kita maut selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan ke tempat kerja. Tahun lalu, seorang lelaki meninggal dunia di kilang ini, ketika mengisi borang memohon pekerjaan akibat serangan jantung.

"Seorang jurutera kami yang meninggal dunia awal bulan ini pula disahkan mengalami serangan jantung secara tiba-tiba sebelum terjatuh ke dalam kolam tangkap. Ketika kejadian, mangsa melakukan rutin harian mengambil sampel air untuk ujian sebelum tidak sedarkan diri akibat segerangan jantung," katanya.

**FAKTA**  
**LYNAS** mahu  
tumpu perhatian  
kepada operasi  
kilang proses  
nadir bumi

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)**



## **Hujan Lebat Peringkat Kuning Di Beberapa Daerah Di Sarawak**

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Hujan sekejap-sekejap dan kadangkala sederhana di beberapa daerah di Sarawak dijangka berterusan sehingga Selasa.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, kawasan yang terlibat ialah Kuching, Samarahan, Betong, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Mukah dan Bintulu.

Nasihat Hujan Lebat Peringkat Kuning telahpun dikeluarkan jabatan itu.

Kenyataan itu menyebut keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 29 DISEMBER 2013 (AHAD)**



## **Amaran Ribut Petir Di Beberapa Perairan Negara Sehingga Subuh Isnin**

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Sarawak, Labuan dan Pantai Barat Sabah dijangka berterusan sehingga sebelum subuh Isnin.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi**, keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Ribut petir juga berlaku di kawasan perairan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor barat, yang menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter, dijangka berterusan sehingga sebelum subuh.

Keadaan ini juga berlaku di kawasan perairan Reef North, Bunguran, Layang-Layang dan Palawan yang menyebabkan angin kencang melebihi 60 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 5.5 meter, yang juga dijangka berterusan sehingga sebelum subuh Isnin.

Keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk menangkap ikan, pekerja di pelantar minyak serta perkhidmatan feri.

-- BERNAMA